Teks/penyelaras: **Marlia Zakaria** Foto: **Mohd Nasarudin Talkah**
Konsep: **Faizal Oda**


PERSIAPAN HARI RAYA 4 JEJAKA


Melakukan persiapan sempena kedatangan Aidilfitri merupakan masa yang cukup mengujakan. Ada yang lebih selesa menyediakan kelengkapan lebih awal dan tidak kurang juga sebaliknya. Walau pun ada yang beranggapan persiapan lelaki tidak sukar namun, ada juga di antara mereka yang cukup menitik beratkan soal gaya terkini supaya turut tampil segak di hari mulia. Selian itu pula, kebiasaannya kaum Hawa yang lebih teliti mengenainya berbanding lelaki. Apakah ia benar? Jom, kita lihat apa komen empat orang jejaka ini!

SOALAN:
- Siapa yang selalu menyediakan kelengkapan Hari Raya untuk kamu?
- Berapa lama masa yang diambil untuk menyediakannya?
- Apakah kamu seorang yang gemar membuat persiapan pada saat-saat akhir atau sebaliknya?
- Berapa pasang baju yang kamu biasa sediakan?
- Bajet kamu?
- Jenis baju Melayu yang menjadi pilihan?
- Apakah kamu akan mengenakannya sepanjang Hari Raya pertama atau sebaliknya?
- Ucapan ringkas sempena Hari Raya Aidilfitri ini?

Nama: Muhamad Aniq Akif Kodiron
Umur: 21 tahun
Asal: Kajang, Selangor
Pendidikan/Kerjaya: Pelajar Tahun 2, Pendidikan Sukan dan Rekreasi UKM
Ig: Aniqstar
Fb: Aniq Akif

- Selalunya saya sendiri dan ada kalanya ibu saya.
- Lebih kurang tiga minggu sebelum Hari Raya Aidilfitri.
- Tidak, saya tidak suka membuat persiapan pada saat akhir.
- Sepasang baju Melayu dan dua kemeja bercorak.
- RM300
- Baju melayu cekak musang.
- Ya, sepanjang hari.
- "Saya ingin mengucapkan selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada semua ahli keluarga dan rakan-rakan. Semoga sentiasa dalam keredaan Ilahi.


Muhamad Aniq Akif


Afry Wijoyo

Nama: Afry Wijoyo
Umur: 25 tahun
Asal: Ipoh, Perak
Pendidikan/Kerjaya: Diploma Aplikasi Multimedia/ Model Komersial
Ig: afrywijoyo
Fb: Afry Wijoyo

- Ibu.
- Tiga minggu sebelum hari raya.
- Tidak.
- Tiga pasang. Sepasang baju Melayu dan dua pasang *t-shirt* kasual.
- RM200.
- Baju Melayu moden.
- Ya, sepanjang Hari Raya pertama.
- "Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh kakitangan Karangkraf, yang menjayakan sesi fotografi juga kepada rakan-rakan yang mengenali.

Nama: Pilidius Garawis (Andy)
Umur: 22 tahun
Asal: Ranau, Sabah
Pendidikan/kerjaya: Diploma Pengurusan Sumber Manusia: Human Capital Division di Prasarana Malaysia Berhad (RapidBus)
Ig: FilozAndy
Fb: Filoz Andy

- Diri sendiri kerana saya seorang yang berdikari.
- Selalunya sebulan sebelum Hari Raya tiba.
- Tidak, selalunya saya merancang terlebih dahulu.
- Sepasang baju Melayu untuk hari raya pertama dan sepasang baju kasual untuk hari raya kedua.
- Selalunya bajet saya sekitar RM200 ke RM250 sahaja.
- Abang sepupu saya seorang Pereka Fesyen, jadi dia mencadangkan saya memakai baju Melayu cekak musang.
- Ya, sepanjang hari raya pertama memandangkan bukan selalu kita pakai baju Melayu.
- Walaupun saya bukan Muslim, tetapi tidak salah merayakannya kerana kita rakyat Malaysia mempunyai berbilang bangsa dan kepercayaan. Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua rakan serta sanak saudara saya. Maaf Zahir dan Batin!


Pilidius Garawis (Andy)


Muhammad Syazwan

Nama: Muhammad Syazwan Razali
Umur: 23 tahun
Asal: Shah Alam, Selangor
Pendidikan/kerjaya: Diploma Seni Tari ASWARA/ penari & koreografer bebas
Ig: awan_luziza
Fb: syazwan razali

- Saya melakukannya sendiri.
- Biasanya seminggu sebelum raya atau paling lewat sehari sebelum raya.
- Ya, kerana sibuk dengan persembahan.
- Sepasang sahaja, kadang-kadang saya hanya guna baju yang sedia ada.
- RM100 ke bawah.
- Cekak musang, ia tampil lebih kemas kerana berbutang lengkap.
- Sepanjang hari, dari pagi Hari Raya sehingga rumah terakhir beraya.
- "Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua umat Islam. Nikmati juadah raya biar berpada-pada, ya!